



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU 2024

TEMA:

Merapatkan Jurang: Sokongan Penyusuan Susu Ibu untuk Semua
(Close the gap: Breastfeeding Support for All)

01 -07 Ogos 2024

**PERUTUSAN
YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA DOKTOR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR,
MENTERI KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia diraikan pada 01 hingga 07 Ogos setiap tahun. Aktiviti global yang dilancarkan pada tahun 1992 ini mempunyai tujuan utama untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat penyusuan susu ibu dan untuk mempromosikan persekitaran yang menyokong dan mengekalkan amalan penyusuan susu ibu. Tema sambutan pada tahun ini ialah “Merapatkan Jurang: Sokongan Penyusuan Susu Ibu untuk Semua (*Close the gap: Breastfeeding Support for All*)”.
2. Penyusuan susu ibu (PSI) adalah asas yang penting untuk kesihatan ibu dan anak damit. Susu ibu adalah pemakanan yang sangat unik dan sempurna yang mengandungi semua nutrien yang diperlukan oleh anak damit untuk pertumbuhan dan perkembangan yang optimum. Ianya juga mengandungi antibodi yang dapat membantu melindungi anak damit dari jangkitan penyakit, mengurangkan kekerapan dan keterukkan masalah cirit-birit, mengurangkan risiko jangkitan paru-paru dan telinga, mengelakkan karies gigi dan meloklusi gigi (*malocclusion*) serta merangsang peningkatan tahap kecerdikan (IQ) kanak-

- kanak. Selain itu, susu ibu lebih mudah dihadam oleh anak damit berbanding susu formula dan ia mengurangkan risiko sembelit.
3. Amalan penyusuan susu ibu yang optima mempunyai impak yang positif ke atas status kesihatan ibu dan kanak-kanak dalam jangka masa pendek dan panjang. Penyelidikan menunjukkan bahawa penyusuan susu ibu memberikan manfaat kesihatan yang berpanjangan termasuk mengurangkan risiko untuk menghidap penyakit kronik seperti obesiti dan diabetes. Dalam apa jua situasi, amalan penyusuan susu ibu adalah kaedah semulajadi yang terbaik dalam pemberian pemakanan anak damit dan kanak-kanak kecil, di samping mengeratkan jalinan kasih sayang diantara ibu dan anak.
 4. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan penyusuan susu ibu secara eksklusif sejak lahir sehingga enam bulan pertama. Dari umur 6 bulan, kanak-kanak hendaklah diberikan makanan tambahan yang berkhasiat dan mencukupi sambil meneruskan penyusuan susu ibu sehingga umur dua tahun atau lebih. Tema tahun ini menekankan kepentingan sokongan di pelbagai peringkat untuk para ibu mengamalkan penyusuan susu ibu pada bila-bila masa, di mana sahaja. Penyusuan susu ibu memerlukan sokongan yang menyeluruh dan berterusan dari semua pihak, termasuk keluarga, komuniti, tempat kerja dan kerajaan. Antara sokongan yang dimaksudkan termasuk membentuk dasar yang menggalakkan penyusuan susu ibu, masyarakat yang boleh mewujudkan persekitaran mesra penyusuan susu ibu, sistem dan perkhidmatan kesihatan yang menyokong dan melindungi penyusuan susu ibu dan memastikan ibu-ibu mendapat akses kepada sumber, maklumat dan sokongan yang diperlukan untuk mengamalkan penyusuan susu ibu dengan berjaya.
 5. Dari sudut pandangan Islam, penyusuan susu ibu adalah satu fitrah, sebagaimana dijelaskan di Ayat 233 Surah Al-Baqarah yang ertinya, "Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan".

6. Di Negara Brunei Darussalam, sejak pengenalan Dasar Peraturan Cuti Beranak pada tahun 2011, kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif meningkat dari 29% pada tahun 2011 kepada 47% pada tahun 2019 dengan peningkatan sistem sokongan kesihatan termasuk aktiviti-aktiviti promosi penyusuan susu ibu yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan sebelum melahirkan dan selepas melahirkan. Walaubagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap kadar penyusuan susu ibu di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2023, kadar penyusuan susu ibu telah menurun ke 38%. Kadar ini adalah sangat membimbangkan dan tindakan perlu diambil dengan segera. Oleh itu, Brunei Darussalam perlu mempertingkatkan semula sistem sokongan penyusuan susu ibu untuk mencapai sasaran penyusuan susu ibu secara eksklusif pada kadar 50% menjelang tahun 2025 mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia - *Global Nutrition Target 2025*.
7. Kajian telah menunjukkan beberapa cabaran yang dihadapi di kalangan ibu terutamanya semasa minggu pertama selepas bersalin. Perkara ini boleh ditangani dengan meningkatkan sokongan *hands-on* kepada para ibu yang baru melahirkan tentang penyusuan susu ibu. Kementerian Kesihatan akan memperkukuhkan lagi pelaksanaan "*Breastfeeding Friendly Hospital Initiative*" (BFHI) di seluruh perkhidmatan kesihatan ibu dan anak damit di Negara Brunei Darussalam untuk memastikan setiap ibu mempunyai sokongan yang diperlukan, terutamanya pada peringkat awal sebaik sahaja melahirkan anak damit. Langkah-langkah inisiatif termasuk pembangunan kapasiti bagi profesional kesihatan untuk meningkatkan kemahiran serta kompetensi dalam memberi kaunseling penyusuan susu ibu dengan bersifat prihatin, pemedulian, empati, *compassionate* dan berpengetahuan. InsyaAllah, ini akan dapat membantu meningkatkan keyakinan dan memudahkan para ibu dalam memberikan permulaan yang terbaik kepada anak damitnya iaitu pemberian penyusuan susu ibu secara eksklusif selama 6 bulan.

8. Di samping itu, Kementerian Kesihatan menyambut baik dan menyokong cadangan bagi pembentukan kumpulan *mother-to-mother support group* di kalangan masyarakat untuk memastikan sokongan yang berterusan untuk penyusuan susu ibu di kalangan masyarakat.
9. Suami dan keluarga memainkan peranan yang penting bagi menjayakan amalan penyusuan susu ibu di kalangan para ibu dengan boleh mempelajari asas-asas penyusuan susu ibu termasuk sokongan moral dan emosional. Selain dari keluarga, masyarakat juga perlu menyediakan persekitaran yang mesra agar para ibu boleh mengamalkan penyusuan susu ibu di mana-mana dengan selesa seperti menyediakan ruang penyusuan yang selamat dan bersih di bangunan-bangunan komersial dan di tempat awam.
10. Majikan juga memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan suasana kerja yang menyokong penyusuan susu ibu dengan memastikan perlindungan cuti bersalin, menyediakan ruang dan kemudahan penyusuan yang selesa, dan tempat simpanan susu seperti peti sejuk serta jadual kerja yang fleksibel.
11. Akhir sekali, Kementerian Kesihatan menyeru agar sokongan penyusuan susu ibu diberikan terhadap para ibu secara berterusan dari pelbagai peringkat. Semoga dengan sokongan semua lapisan masyarakat, kita dapat memastikan kesejahteraan anak damit dan kanak-kanak terjaga untuk menjana generasi yang sihat, keluarga yang kukuh dan pembangunan yang mampan.
